

KONSEP *AL-I'ĀNAH 'ALĀ AL-MA'SIYAH* DALAM PERBANKAN ISLAM

Aliah Harizahani Abdul Halimⁱ

ⁱ Penolong Pensyarah, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah.
Emel: aliahharizahani@usas.edu.my

ABSTRAK

Perbankan Islam merupakan alternatif kepada perbankan konvensional sejak 40 tahun lalu dan memainkan peranan signifikan dalam membangunkan ekonomi masyarakat khususnya di Malaysia. Amalan, produk dan perkhidmatan perbankan Islam perlu dipastikan bebas daripada perkara yang menyalahi Shara' di samping memenuhi piawaian dari sudut undang-undang berkanun. Ketidakpatuhan Shari'ah boleh terjadi sekiranya pihak bank terlibat dalam sebarang transaksi haram menurut mu'amalat Islam seperti riba, judi (*maysir*) dan kesamaran (*gharar*). Secara prinsip dan ideal, institusi perbankan Islam tidak terlibat secara langsung dalam urus niaga yang jelas haram namun realitinya, wujud keadaan bank Islam terbabit dalam perkara membantu kepada maksiat yang diistilahkan sebagai *al-i'ānah 'alā al-ma'siyah*. Dalam isu ini, fuqaha' berselisih pendapat dalam penetapan hukumnya sama ada haram atau harus atas dasar tertentu. Punca perbezaan pandangan tersebut berakar daripada ketidakjelasan memahami konsep, fundamental dan gambaran isu ini. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk menjelaskan konsep unsur *al-i'ānah 'alā al-ma'siyah* dalam konteks perbankan Islam. Metodologi kajian adalah berdasarkan kepada kaedah kualitatif menggunakan instrumen kajian kepustakaan merangkumi analisis dokumen sepenuhnya. Data dianalisis berdasarkan kepada kaedah induktif dan deskriptif dengan menerangkan konsep dan gambaran menurut perspektif Fiqh. Hasil kajian mendapati bahawa konsep *al-i'ānah 'alā al-ma'siyah* merujuk kepada keadaan berlakunya kerjasama atau usaha saling membantu dalam melakukan dosa dan sebarang bentuk perkara yang dilarang oleh Allah SWT. Lima rukun *al-i'ānah*, niat pelaksanaan transaksi tersebut sama ada disengajakan atau tidak (*maqsūdah aw ghayr maqsūdah*) serta tahap ketersampaian (*mubāsharah aw ghayr mubāsharah*) kepada perkara haram atau *ma'siyah* perlu dinilai bagi menentukan hukumnya secara pasti. Kajian ini penting agar dapat dijadikan sebagai panduan dan parameter kepada pengguna, badan korporat dan majlis penasihat Shari'ah bank Islam dalam memastikan penawaran produk dan perkhidmatan perbankan Islam adalah patuh Shari'ah.

Kata-kata kunci: *al-i'ānah 'alā al-ma'siyah, membantu perkara haram, menolong dalam maksiat, perbankan Islam, Fiqh Mu'amalat.*

PENGENALAN

Sektor perbankan Islam merupakan alternatif kepada perbankan konvensional supaya masyarakat Islam tidak terlibat dalam aktiviti jelas haram dan bertentangan dengan Shari'ah seperti *ribā*, *gharar* dan *maysir*. Perbankan Islam yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah menjunjung nilai murni yang sejagat dan membawa kesan positif kepada ekonomi dan sosial. Hal ini demikian kerana asas falsafah sistem kewangan Islam meletakkan bahawa perbankan

adalah bahagian terpenting dalam ekosistem. Entiti ini perlu menjadikan paksi kewajaran dan pendiriannya pada etika, moral, dimensi sosial serta keagamaan untuk meningkatkan kesaksamaan dalam masyarakat (Ahmad & Hassan, 2007).

Di samping memenuhi keperluan masyarakat dalam melakukan urus niaga dan transaksi harta, institusi perbankan Islam hendaklah sentiasa memastikan operasi, penawaran produk, perkhidmatan dan pengurusan dananya mematuhi undang-undang Shari'ah dan pengawalseliaan badan penasihat berautoriti. Secara prinsip dan ideal, institusi perbankan Islam tidak terlibat secara langsung dalam urus niaga yang jelas haram kerana Akta Bank Islam 1983, Perkara 13(A) memperuntukkan kepatuhan institusi kewangan Islam terhadap nasihat yang diberikan oleh Majlis Penasihat Syariah (IBA, 1983). Penasihat Syariah yang dilantik merupakan pihak bertanggungjawab untuk meneliti, menilai serta memberikan pandangan mengikut lunas shara'.

Di rantau Asia, Malaysia merupakan negara terkehadapan dalam membangunkan sektor perbankan dengan giat memperkenalkan pelbagai inovasi produk dan perkhidmatan yang kompeten. Perbankan konvensional dan Islam di Malaysia tidak hanya memfokuskan urus niaga dalam negara sahaja malah perdagangan di peringkat antarabangsa melalui pasaran kewangan seperti pasaran wang, modal, derivatif, komoditi dan pertukaran asing (ISRA, 2016).

Meskipun perbankan dwisistem berkembang seiring di Malaysia, fokus pengguna muslim tertumpu kepada produk dan perkhidmatan perbankan Islam bagi tujuan memenuhi tuntutan Islam dalam aspek ekonomi. Namun demikian, terdapat beberapa transaksi yang menjadi perdebatan kerana mengandungi unsur haram atau maksiat dan membantu kepada maksiat (*i'ānah 'alā al-ma'siah*).

Dalam situasi ini, permasalahan utama dilihat berakar daripada kekeliruan dan kesamaran dalam memahami konsepnya terutama *al-i'ānah 'alā al-ma'siah*. Kerancuan ini membawa kepada implikasi wujud perbezaan pendapat sehingga adakala menghalalkan perkara yang haram. Oleh itu, kajian terhadap pembinaan teori dan konsep *al-i'ānah 'alā al-ma'siah* menurut perspektif Fiqh wajar dilakukan bagi menjelaskan gambaran transaksi mengandungi *al-ma'siah* atau perkara haram dan unsur yang membantu kewujudannya.

AL-MA'SIAH ATAU PERKARA HARAM DALAM MU'AMALAT

Dalam Fiqh Islam, mu'amalat hanya dibolehkan jika transaksi tersebut menepati syarat-syaratnya seperti barang itu diperoleh dan digunakan untuk perkara halal. Terdapat prinsip-prinsip utama Shari'ah yang menjadikan sesuatu transaksi itu harus dan diterima pelaksanaannya iaitu:

- i) wujud kerelaan daripada pihak yang berkontrak
- ii) tidak memberi implikasi yang memudaratkan orang lain
- iii) tiada percanggahan dengan hukum lain terdapat dalam dalil sahih
- iv) tiada percanggahan dengan sifat asal kontrak menjurus kepada unsur diharamkan
- v) tiada unsur-unsur dilarang seperti riba, judi dan subjek kontrak yang haram

Jika berlaku pelanggaran prinsip di atas, akan menyebabkan transaksi tersebut termasuk dalam *al-ma'siah* iaitu transaksi haram yang tidak dibenarkan. Antaranya, penggabungan antara kontrak *bay'* dan *salaf* dalam satu kontrak akan bertukar menjadi riba. Selain itu, termasuk

dalam transaksi dilarang jika harta tersebut datang dari sumber haram serta untuk kegunaan haram dan memudaratkan. Perkara ini terkecuali dalam keadaan tertentu seperti darurat dan kepayahan yang sukar dielakkan. Situasi demikian perlu diketahui dan dinilai menurut parameter berpaksikan *Maqāṣid al-Shari‘ah* supaya transaksi dijalankan tidak termasuk dalam wilayah transaksi haram (Ahmad Sufyan, 2011).

Dalam kajian yang dilakukan oleh Abd Hakim (2021), sumber haram merujuk kepada objek seperti wang yang diperoleh dengan jalan dilarang oleh Islam. Imam al-Ramlī dalam kitab “*Fatāwā*” membahagikan harta haram kepada dua kategori utama iaitu *harām li dhātihi* dan *harām li ghayrihi*. Pertama, *harām li dhātihi* iaitu pengharaman kerana zat benda merujuk kepada perkara yang sememangnya haram pada asal kerana najis, keburukan padanya, menyakiti serta membawa kepada kezaliman seperti arak, khinzir, pelacuran dan berzina. Kedua, *harām li ghayrihi* iaitu perkara pengharaman disebabkan oleh perkara atau faktor larangan lain, contohnya harta disebabkan oleh riba, judi, kecurian dan rampasan.

Pembahagian di atas sama seperti terdapat dalam kajian dijalankan oleh Ahmad Munif (2017). Menurutnya, sesuatu harta menjadi haram adalah kerana dua sebab iaitu kerana sifat haram pada zatnya (*harām li dhātihi*), mahupun kerana perkara yang lain (*harām li ghayrihi*). Antara perkara yang menjadi haram disebabkan oleh zatnya adalah perjudian, pelacuran, penjualan barang haram pada zatnya (*harām li dhātihi*) seperti arak, khinzir, bangkai, patung atau barang sembahaan agama lain, tembakau, makanan dan minuman tidak halal serta hiburan tidak patuh Shari‘ah. Manakala haram kerana perkara yang lain (*harām li ghayrihi*) berlaku disebabkan oleh mengambil harta orang lain dengan jalan batil seperti mencuri, merompak, menipu dan merasuh. Bagi kelompok yang mengharamkan mendengar alunan alat muzik bertali maka menjualnya dan mengupah orang untuk memainkannya juga adalah haram (Jawed, t.t).

Fuqaha’ berbeza pandangan dalam menetapkan hukum bermuamalah dengan harta haram dari sudut pemerolehan dan penggunaannya, misalnya hukum perbankan Islam menjalankan urus niaga dengan institusi perbankan konvensional. Terdapat dua kelompok utama dalam isu ini iaitu golongan mengharuskan dan golongan mengharamkan transaksi tersebut (Zaharuddin, 2008; Zaharudin, 2010; Muhd Ramadhan, Muhammad Nasir & Ahmad Firdaus, 2014).

Kelompok pertama mengharuskan bermuamalah dengan sumber haram sama ada dana tersebut datang daripada institusi kewangan konvensional dari dalam maupun luar negara. Sebahagian besar penasihat syariah institusi kewangan Islam khasnya di Timur Tengah, mereka berhujah dengan mendatangkan dalil daripada al-Quran, al-Hadis, *Qiyās* dan akal seperti salah satu ayat al-Quran iaitu berkaitan dengan seseorang tidak menanggung dosa kesalahan orang lain. Maka pekerjaan haram dilakukan oleh pihak lain tidak dikaitkan atau tidak disabitkan dengan pekerjaan yang halal. Sumber haram seperti deposit daripada pekerja bank riba, penjual arak atau pemilik kasino boleh diterima kerana aktiviti tersebut tiada kaitan dengan penglibatan dan pelaburan dibenarkan seperti *mudhārabah* dan *mushārakah* (Zaharuddin, 2008). Hal ini demikian kerana Nabi Muhammad SAW juga bermuamalah dengan Yahudi yang diketahui mengamalkan riba dalam transaksi mereka. Namun, Baginda tidak terlibat dalam pelakuan tersebut bersama dengan orang Yahudi (Shābir, 2007).

Kelompok kedua mengharamkan bermuamalah dengan sumber haram kerana transaksi atau jual beli membabitkan harta haram atau tidak patuh Shari‘ah adalah tidak diiktiraf (*māl ghayr mutaqawwam*) serta tidak dikenakan zakat disebabkan oleh tiada nilai pada pandangan Shara’.

Selain itu, terdapat ayat al-Quran, sejumlah hadis Nabi serta perbuatan Sahabat yang melarang umat Islam daripada terlibat dalam sebarang bentuk perkara haram, seperti hadis daripada Saidina Abū Bakr, Ibn ‘Umar dan Abū Mas’ūd al-Ansārī (Shābir, 2007; Zaharuddin, 2008; Muhd Ramadhan, Muhammad Nasir & Ahmad Firdaus, 2014). Misalnya hadis yang menegaskan bahawa pihak terlibat dalam riba adalah dilaknat dan berdosa, termasuk juga mereka yang membantu melakukan transaksi terlarang itu (Hayatul, 2016).

Kajian-kajian di atas memfokuskan perbincangan bermuamalah dengan perkara haram secara langsung. Bagaimana pula dengan transaksi yang membawa kepada perkara haram atau membantu perkara maksiat? Sebahagian besar fuqaha' menyatakan bahawa hukumnya juga adalah haram kerana menyebabkan terjadinya perkara haram. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji situasi membantu perkara haram khasnya dalam transaksi perbankan Islam dan konsep ini dinamakan sebagai “*al-i’ānah ‘alā al-ma’siah*.” Kajian terhadap kefahaman dan gambaran konsep ini penting bagi mengelak perkara haram itu berlaku dari peringkat awal.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan metode kualitatif kerana didapati bersesuaian dengan objektif kajian iaitu untuk mengetahui fenomena yang berlaku dalam isu perbankan Islam melibatkan hubungan interpersonal manusia. Metode ini menekankan pembinaan konsep, memahami makna dan masalah sosial, meneroka tingkah laku, perspektif, perasaan dan pengalaman manusia berdasarkan kepada gambaran holistik dan kompleks (Othman, 2022). Kajian ini menggunakan instrumen kajian kepustakaan merangkumi analisis dokumen sepenuhnya. Kaedah ini menghendaki pengkaji untuk mencari bahan-bahan bacaan dengan membuat rujukan terhadap kajian lepas, kertas kerja, jurnal artikel, buku ilmiah, teks klasik (*turāth*) yang berkaitan dengan “*al-i’ānah ‘alā al-ma’siah*”. Bahan tersebut merangkumi perbincangan dalam bab perbankan Islam untuk mengetahui operasi kewangan dan perbankan Islam masa kini selain daripada bab fiqh muamalah klasik dan kontemporari untuk mengetahui kontrak dilarang mengandungi perkara haram iaitu riba, judi (*maysir*), ketidakpastian atau kesamaran (*gharar*), kezaliman serta sebarang bentuk pelanggaran larangan Allah SWT. Data dianalisis berdasarkan kepada kaedah induktif dan deskriptif dengan menerangkan konsep dan gambaran “*al-i’ānah ‘alā al-ma’siah*” menurut perspektif Fiqh.

HUKUM *AL-I’ĀNAH ‘ALĀ AL-MA’SIAH* UMUMNYA HARAM

Perbahasan *i’ānah ‘alā al-ma’siah* dalam Islam merujuk kepada satu keadaan berlaku kerjasama atau usaha saling membantu dalam perkara yang dilarang. Menolong dalam maksiat, dosa, kezaliman dan pelanggaran larangan Shara' adalah haram berdasarkan al-Quran kerana dianggap menyebabkan berlaku perkara maksiat. “*Lā*” larangan menurut Usul al-Fiqh bermaksud perbuatan tersebut hukumnya adalah haram jika dilakukan.

Firman Allah SWT:

وَلَا تَعَاوُنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدُونِ وَتَعَاوُنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالنَّفْوِ

al-Maidah: 2

Terjemahan: Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebaikan dan bertaqwah, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan.

Dalam *Tafsīr al-Jalālayn*, maksud jangan menolong di sini adalah jangan bermaksiat atau melampaui ketentuan dan batas-batas ajaran Allah (al-Mahallī & al-Suyūtī, 2001). *Tafsīr Ibn Kathīr* pula menjelaskan daripada ayat di atas bahawa Allah SWT melarang daripada bantu-membantu dalam kebatilan dan hal-hal yang diharamkan-Nya (Ibn Kathīr, 1999).

Selain itu, terdapat sejumlah nas membawakan hukum haram membantu kepada perkara maksiat atau membawa kepada haram. Larangan tersebut dinyatakan sama ada secara langsung mahupun tidak langsung seperti terdapat dalam (Surah al-Qasas: ayat 17), (Surah al-An'am: ayat 108), (Surah al-Nur: ayat 31) dan (Surah al-Ahzab: ayat 32).

Lanjutan bagi ayat al-Quran di atas, larangan atau pengharaman sesuatu perkara termasuk juga setiap perkara yang membuka ruang tersebut. Oleh itu, fuqaha' menghukumkan perkara yang bersangkutan dengan perkara haram membawa kepada hukum haram (Mohamad Zarifi, 2010). Hal ini turut dapat dirumuskan menerusi beberapa *qā'idah fiqhīyyah* (al-Zarqā, 1989) seperti berikut:

Jadual 1: *Qā'idah fiqhīyyah* pengharaman perkara bersangkutan dengan maksiat

Kaedah	Maksud Kaedah
ما حرم أخذه حرم إعطاؤه	Apa yang haram menerimanya haram pula memberinya
ما حرم فعله حرم طلبه	Apa yang haram mengambilnya haram pula menuntutnya
ما حرم استعماله حرم اتخاذه	Apa yang haram penggunaannya haram pula memperolehnya
الوسيلة لها أحكام المقاصد	Hukum suatu wasilah itu bergantung kepada <i>maqāṣid</i> (tujuan yang ingin dicapai)

Isu ini juga dapat difahami berdasarkan salah satu daripada sumber hukum tidak disepakati iaitu *Sadd al-Dharā'i*'. Imam al-Qarāfi menyatakan bahawa *Sadd al-Dharā'i*' bererti menutup jalan yang membuka ruang kepada kerosakan (*mafsadah*) atau tegahan Shara' maka jalan atau *wasīlah* kepada haram akan menjadi haram (al-Qarāfi, 2010). Pengambilan dalil *Sadd al-Dharā'i*' ini bertujuan untuk membawa kepada kebaikan (*maṣlahah*) kepada individu dan umat Islam (al-Namlah, 2000).

Unsur membantu kepada maksiat atau perkara haram (*i'ānah 'alā al-ma'siah*) dalam transaksi *mu'amalāt* telah dibahaskan oleh *fuqaha'* silam berdasarkan perspektif Fiqh dan Usul. Fuqaha' berbeza pendapat dalam menentukan hukumnya sama ada sah disertai makruh atau *bāṭil*.

Pandangan pertama, menurut Imam al-Thaurī, Imam al-Syāfi'ī dan satu pendapat masyhur dalam mazhab ahli Kūfah, Imam Abū Ḥanīfah mengharuskan jual beli anggur dan perahan jusnya termasuk yang boleh dijadikan arak. Meskipun transaksi ini sah namun disertai makruh. Hujahnya bahawa *ma'siah* tidak terjadi kerana 'ayn anggur tersebut kerana anggur dan jusnya

adalah halal serta boleh digunakan untuk semua tujuan maka hukumnya adalah harus menurut *Shara'*. Terjadinya *fasād* adalah disebabkan oleh pilihan pembeli, bukan kerana perbuatan penjual dan bukan niatnya dijadikan arak daripada jualan anggurnya (al-Zuhaylī, 1984; al-Badrāni, t.t; abd al-Ghaffār, t.t) .

Namun perkara ini tidak dipersetujui oleh pengikut Imam Abū Ḥanīfah dan fuqaha' lain seperti Imam Mālik dan Imam Ahmad yang melarang penjualan anggur itu sama sekali dan transaksi tersebut adalah bāṭil. Hal ini berdasarkan larangan Allah SWT dalam (Surah al-Maidah: ayat 2) dan hadis *Marfu'* riwayat Ibn 'Umar,

Nabi SAW bersabda:

لَعْنَ اللَّهِ الْخَمْرُ وَشَارِكُهَا وَسَاقِيَهَا وَبَائِعُهَا وَمُبَتَاعُهَا وَعَاصِرُهَا وَمُعْتَصِرُهَا وَحَامِلُهَا وَالْمَحْمُولَةُ إِلَيْهِ وَأَكْلُ ثُنْثَنَهَا

(Hadis Riwayat Abu Daud)

Terjemahan: Allah SWT melaknat orang yang meminum arak, orang yang memberi minum arak kepada orang lain, orang yang menjualnya, orang yang meminta dijualnya, orang yang memerasnya, orang yang meminta diperaskan untuknya, orang yang membawanya, orang yang meminta dibawakan kepadanya, orang yang memakan hasilnya.

Daripada hadis di atas, larangan arak tidak hanya dihadkan kepada peminumnya sahaja, bahkan golongan yang membantu kepada wujud perbuatan meminum arak. Oleh itu, dapat difahami bahawa perkara yang membawa kepada haram dihukumkan haram. Selain itu, pandangan kedua ini berhujahkan kepada sumber *Sadd al-Dharā'i*'seperti telah dinyatakan (al-Zuhaylī, 1984).

KONSEP AL-*I'ĀNAH* 'ALĀ AL-*MA'SIAH* MENURUT FIQH

Al-i'ānah 'alā al-ma'siah merupakan derivasi dua perkataan bahasa Arab iaitu “*i'ānah*” dan “*ma'siah*”. Kedua-dua perkataan ini perlu dijelaskan maknanya dari segi bahasa dan istilah terlebih dahulu supaya maksud secara umum dan menurut kepada konteks perbincangan dapat difahami, khasnya dalam transaksi perbankan Islam.

“*I'ānah*” menurut Ibn Mandhūr dalam kitab *Lisān al-'Arab* berasal daripada perkataan “*al-'awn*” atau “*al-ta'āwun*” bererti pertolongan atau bantuan dalam sesuatu perkara. Hal ini seperti dinyatakan oleh Allah SWT di dalam al-Quran (Surah al-Kahf: ayat 95), (Surah al-Maidah: ayat 2) dan (Surah al-Baqarah: ayat 45).

Dari segi istilah, “*i'ānah*” tidak jauh beza dengan makna bahasanya iaitu melakukan sesuatu perkara melalui perantara atau dengan bantuan orang lain merangkumi sama ada dalam perkara bersifat duniawi dan ukhrawi. Membantu juga boleh diertikan memudahkan seseorang yang lain melakukan sesuatu sehingga menyebabkannya ringan atau hampir kepada perkara tersebut (Abū Yahyā, 2018). Selain itu, “*i'ānah*” dengan makna lebih terperinci bermaksud menolong orang lain melakukan sesuatu perkara yang menyulitkannya jika dilakukan sendirian. Menurut al-Ma'īdī (2020), pertolongan tersebut diberikan dengan pelbagai cara semisal memberi alat, melalui perkongsian kerja melibatkan perbuatan seperti membawa, atau melalui percakapan seperti menunjuk arah, mengajar serta menyampaikan pandangan dan nasihat.

“*Ma’siah*” dari segi bahasa pula diambil daripada perkataan “*al-’isyān*” iaitu mungkir, ingkar dan lawan bagi taat. Misalnya seorang hamba berbuat maksiat kepada tuannya bererti ia mengingkari dan tidak mentaatinya. Manakala dari segi istilah pula bererti melanggar suruhan shar’ie, melakukan perkara larangan, meninggalkan suruhan Allah SWT atau mengabaikan perkara yang diwajibkan. Berdasarkan definisi di atas, dapat difahami bahawa “*ma’siah*” pada hakikatnya merujuk kepada perbuatan haram oleh seseorang berserta dengan niat untuk melakukannya. Pada kebiasaan, lafaz “*ma’siah*” merujuk kepada keadaan seseorang membolehkan perkara dilarang oleh shara’ (al-Ma’idī, 2020).

Perkataan “*al-ma’siah*” ini seerti dengan perkataan “*al-ithm*” iaitu perkara yang tidak halal dilakukan, layak dikeji dan menyebabkan pelakunya mendapat dosa. Perkara ini misalnya terdapat dalam al-Quran (Surah al-Maidah: ayat 2). Perkataan “*ma’siah*” juga mempunyai pertalian dengan perkataan “*al-muharram*” dan “*al-mahdhūr*.”

Dari segi bahasa, “*al-muharram*” menurut Ibn Fāris dalam *Maqāyīs al-Lughah* bermaksud larangan dan halangan. Dari segi istilahnya bererti apa yang dilarang oleh Allah SWT atau lawan bagi halal. “*Al-mahdhūr*” mempunyai makna lebih kurang sama dengan “*al-ithm*” iaitu lawan bagi wajib seperti dinyatakan dalam al-Quran (Surah al-Isra’: ayat 20). Sesetengah para *uṣūliyyūn* tidak menamakan perkara haram sebagai “*al-muharram*” namun menyebutnya sebagai “*al-mahdhūr*” dalam skop perbincangan hukum *taklīf* seperti Imam al-Rāzī (al-Ma’idī, 2020).

Dalam Garis Panduan Mengenai Maksiat Dari Perspektif Islam, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-39 yang telah bersidang pada 21 September 1995 bersetuju menetapkan bahawa maksiat adalah perbuatan yang bertentangan dengan ajaran Islam umumnya, serta akidah dan shari’ah khususnya. Seseorang yang bermaksiat berdosa kerana melakukan perkara haram atau larangan Allah SWT dan Rasul-Nya selain daripada meninggalkan perkara wajib iaitu suruhan Allah SWT dan Rasul (JAKIM, 2015).

Berdasarkan kepada pentakrifan di atas, *al-i’ānah ‘alā al-ma’siah* dalam Islam merujuk kepada satu keadaan berlaku kerjasama atau usaha saling membantu dalam melakukan dosa, kezaliman atau perkara yang dilarang. (Abd al-Qādir & Abū Yahyā, 2019). Misalnya, sabda Nabi Muhammad SAW dalam riwayat Muslim tentang golongan yang terlibat dengan riba sama ada pemakan atau orang yang mengambil untung dengan sebab riba, wakilnya, penulis akad kontrak dan saksi kepada hal tersebut sama-sama mendapat dosa (al-Kamālī & al-‘Aysawī, 2017).

Oleh itu, konsep “*al-i’ānah ‘alā al-ma’siah*” juga dapat difahami membantu atau memudahkan orang lain mencapai perkara yang dilarang oleh shara’ dalam apa jua cara, medium dan alat, sama ada dalam bentuk perbuatan atau perbuatan. Apabila dilakukan, perkara tersebut membawa kepada kejian dan ancaman dosa daripada Allah SWT.

Dalam perbankan Islam, membantu dalam perkara maksiat boleh terjadi dalam pelbagai jenis transaksi seperti pemindahan dana akaun simpanan dan pelaburan, sewaan, bon dan saham serta perjanjian projek yang tidak dibenarkan. Maksiat terjadi kerana transaksi tersebut mengandungi larangan shara’ iaitu terdapat elemen riba, judi (*maysir*), kesamaran (*gharar*), kemudaratan (*darar*), paksaan (*ikrāh*) atau perkara-perkara lain yang menjurus kepada kewujudan elemen tersebut.

RUKUN AL-I'ĀNAH 'ALĀ AL-MA'SIAH

Rukun dari segi bahasa bererti dasar, tiang, asas, sendi atau intipati (Dewan Bahasa dan Pustaka). Rukun juga bermaksud bahagian atau juzu' sesuatu perkara yang menjadi sandaran dan pengukuh. Dari segi istilah Usul al-Fiqh, rukun bermaksud sesuatu yang menyebabkan sesuatu itu menjadi sempurna dan rukun adalah bahagian daripada sesuatu atau termasuk di dalamnya (*dākhil*). Dalam erti kata lain, kewujudan sesuatu perkara bergantung kepada rukun. Contoh, ruku' merupakan "rukun" solat, jika dilakukan akan menjadikan solat sempurna dan merupakan sebahagian daripada solat. Perbezaan antara rukun dengan syarat adalah syarat menyempurnakan sesuatu namun tidak termasuk atau merupakan bahagian luar daripada sesuatu (*khārij*) seperti wuduk menjadi "syarat" solat namun bukan sebahagian daripada pelakuan solat (al-Namlah, 1999).

Oleh itu, sesuatu transaksi yang mengandungi unsur *al-i'ānah 'alā al-ma'siah* perlu dipastikan memenuhi lima rukunnya iaitu lafaz (*al-sīghah*), pihak yang membantu (*al-mu'īn*), pihak yang dibantu (*al-mu'ān*), perbuatan atau perkara yang dibantu (*al-'amal al-mu'ān 'alayh aw mahāl al-i'ānah*) dan benda atau cara digunakan untuk membantu (*al-mu'ān bihi*). Berikut merupakan maksud dan perincian bagi setiap satu rukun tersebut:

Jadual 2: Rukun *al-i'ānah 'alā al-ma'siah*

Rukun	Maksud	Perincian
<i>Al-sīghah</i>	Sebarang perkataan (<i>qawl</i>) atau perbuatan (<i>fī'il</i>) membawa kepada akad persetujuan untuk membantu, sama ada secara jelas (<i>sarīh</i>) atau tersembunyi (<i>kināyah</i>)	<p><i>Qawliyyah</i>: dinamakan <i>al-ijāb wa al-qabūl</i>. Terbahagi kepada dua:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) <i>Sarīh</i>: lafaz yang menunjukkan terdapat persetujuan tanpa memerlukan niat. Misalnya seseorang berkata, "saya boleh membantu kamu." ii) <i>Kināyah</i>: tulisan atau isyarat diberikan oleh seseorang berserta niat atau adanya petunjuk (<i>qarīnah</i>) membawa maksud ia setuju untuk membantu. Misalnya, "mari kita selesaikan perkara ini bersama." <p><i>Fi'līyyah</i>: melakukan akad transaksi atau hubungan kerjasama</p>
<i>Al-mu'īn</i>	Pihak pelaku yang melakukau perbuatan membantu	Sama ada individu atau berkumpulan
<i>Al-mu'ān</i>	Pihak yang menerima bantuan daripada orang lain	Sama ada individu atau badan berautoriti seperti bank dan syarikat

<i>Al-'amal al-mu'ān 'alayh aw mahal al-i'ānah</i>	Subjek atau perkara yang dibantu	Sama ada melibatkan perkara wajib, haram atau antara kedua-duanya. Contohnya, penggunaan bangunan untuk perkara harus atau haram, penjualan senjata untuk memerangi orang kafir atau mengusir orang Islam serta manfaat anggur untuk perkara halal atau haram
<i>Al-bihī mu'ān wasīlah</i>	Perkara yang dibantu kepada perkara menjadi	Benda atau cara digunakan oleh <i>al-mu'īn</i> untuk membantu <i>al-mu'ān</i> . Misalnya bangunan yang disewakan dan senjata yang dijual beli

NIAT MELAKUKAN PERKARA MAKSIAT DAN KETERSAMPAIANNYA

Setelah sesuatu transaksi dilihat memenuhi kelima-lima rukun *al-i'ānah*, maka penilaian seterusnya memperincikan niat pelaku yang membantu dan pihak yang dibantu dalam perkara maksiat tersebut. Menurut *Majma' Fuqaha' Shari'ah Amerika Syarikat* yang bersidang kali kelima pada 2007 di Bahrain, kerjasama atau transaksi tersebut boleh dibahagikan kepada empat kategori:

- i) *Maqsūdah mubāsharah* iaitu transaksi itu diniatkan dan membawa secara langsung kepada perkara haram maka hukumnya haram.
- ii) *Ghayr maqsūdah mubāsharah* iaitu transaksi itu tidak diniatkan namun membawa secara langsung kepada perkara haram maka hukumnya haram.
- iii) *Maqsūdah ghayr mubāsharah* iaitu transaksi itu diniatkan namun tidak membawa secara langsung kepada perkara haram maka hukumnya haram.
- iv) *Ghayr maqsūdah ghayr mubāsharah* iaitu transaksi itu tidak diniatkan dan tidak membawa secara langsung kepada perkara haram maka hukumnya halal.

Daripada empat kategori di atas, tiga kategori pertama kerjasama tersebut tidak dibenarkan manakala hanya satu sahaja yang dibenarkan iaitu kategori keempat. Berdasarkan pengkategorian di atas, pengkaji mendapati bahawa unsur niat amat diambil berat bagi menentukan kehalalan atau keharaman transaksi tersebut selain daripada unsur ketersampaiannya kepada perkara haram. Hal ini bertepatan dengan kaedah Fiqh yang masyhur dan signifikan dalam muamalat Islam, khasnya dalam mazhab Ḥanafī, Mālikī dan Ḥanbalī iaitu:

العبرة في العقود بالمقاصد والمعانٰي لا بالألفاظ والمباني

Terjemahan: pengambilkiraan hukum dalam kontrak adalah berdasarkan kepada matlamat dan maknanya, bukan dengan lafaz dan bentuknya (al-Zuhaylī, 2006).

Terdapat pandangan lain dinukilkan dalam menentukan hukum sama ada haram mahupun harus, bergantung kepada tahap ketersampaianya kepada perkara haram (al-Ḥawari, 2017). Ketersampaian sesebuah transaksi kepada perkara haram dapat dibahagikan kepada dua keadaan seperti berikut:

- i) *Mubāshar li fi 'il al-muharram*: perbuatan yang langsung membawa kepada perbuatan haram maka hukumnya disepakati haram.
- ii) *Ghayr mubāshar li fi 'il al-muharram*: perbuatan yang tidak langsung membawa kepada perbuatan haram, namun wujud kemungkinan boleh membawa kepada perkara haram. Dalam hal ini, ulama' berbeza pandangan dalam menetapkan hukumnya. Hal ini dapat difahami berdasarkan dua kategori senario berikut:
 - a) Sesuatu perbuatan itu dengan pasti membawa kepada perkara haram, jika menyebabkan terjadi kerosakan dan kemudaratan, maka akan menjadi haram walaupun pada asalnya perkara itu dibenarkan oleh Shara'. Pandangan ini dipegang oleh Ḥanafiyah, Shāfi'iyyah dan Zāhiriyyah.
 - b) Sesuatu perbuatan itu pada kebiasaan membawa kepada perkara haram, hukumnya diharuskan seperti dipegang oleh Mālikiyah dan Ḥanābilah.
 - c) Sesuatu perbuatan itu mungkin membawa kepada perkara haram, maka fuqaha' menghukumkannya tidak haram.
 - d) Sesuatu perbuatan itu tidak membawa kepada perkara haram sama sekali maka tiada perselisihan pendapat ketidakharamannya.

Oleh hal yang demikian, berdasarkan kepada empat pecahan situasi di atas, dapat diringkaskan bahawa jika sesuatu perkara membawa kepada haram secara pasti dan menyebabkan kemudaratan maka hukumnya haram. Jika sesuatu perkara membawa kepada haram berdasarkan kebiasaan, atau ada kemungkinan, atau sememangnya tidak mungkin maka hukumnya tidak haram atau harus.

UNSUR AL-IĀNAH ‘ALĀ AL-MA’SHIĀH DALAM TRANSAKSI PERBANKAN ISLAM

Dalam sektor ekonomi Islam, maksiat atau pelanggaran suruhan Shari'ah boleh terjadi apabila transaksi tersebut melibatkan sebarang aktiviti perniagaan atau pelaburan yang dilarang. Secara ideal, perbankan Islam tidak terlibat dalam urus niaga yang jelas disepakati pengharamannya seperti di atas. Namun setelah diteliti, ketidakpatuhan Shari'ah masih boleh terjadi sekiranya dana tersebut didapati melalui cara yang menyalahi Shara' seperti berlaku ketidaksahan produk, ketidaksempurnaan rukun kontrak, penyisipan syarat aneh dan asing dalam kontrak, kesalahan dalam pelaksanaan kontrak serta pengoperasian urus niaga, pendokumentasian yang tidak dibenarkan serta penggabungan akad mu'amalat yang tidak dibenarkan (Zaharuddin, 2008; Saidatolakma et. al, 2017, Buerhan & Adam, t.t).

Urus niaga melibatkan produk dan perkhidmatan perbankan konvensional juga adalah dilarang kerana perbankan konvensional terlibat secara langsung dengan unsur riba. Yusuf Jelili (2015) menyatakan perkara haram boleh berlaku dalam perkara berikut: i) transaksi melibatkan saham atau sekuriti berasaskan riba, ii) dividen tidak patuh syariah, iii) langganan insurans konvensional, iv) pendapatan keuntungan daripada akaun dan instrumen perbankan konvensional, v) kecacatan pada pelaksanaan instrumen kewangan.

Saidatolakma et. al (2017) berpandangan bahawa sumber haram melibatkan perbankan dan institusi kewangan Islam dapat dibahagikan kepada lima klasifikasi utama iaitu: i) produk tidak patuh Shari'ah, ii) deposit tidak patuh Shari'ah daripada pendeposit, iii) kecacatan dokumen, iv) operasi bisnes tidak patuh Shari'ah, v) bunga atau keuntungan pinjaman diterima daripada bank konvensional.

Dalam pasaran pertukaran asing dan pembayaran perdagangan di peringkat global, akaun nostro (*nostro account*) digunakan untuk menyelesaikan dan memudahkan urus niaga dan melindungi nilai risiko kadar pertukaran. Akaun nostro merupakan rekod bank atau akaun yang menyimpan wang deposit dalam bentuk mata wang asing di bank lain di luar negara (Maverick, 2024). Pemindahan dana boleh berlaku antara perbankan Islam sebagai pihak bank responden dengan perbankan konvensional sebagai pihak bank koresponden. Situasi ini membawa kepada percampuran dan perubahan dana halal kepada haram di perbankan Islam selain daripada meyumbang kepada pertumbuhan dana di pihak perbankan konvensional. Transaksi ini dilihat mempunyai unsur *i'ānah 'alā al-ma'siah* iaitu membantu dalam maksiat atau perkara haram yang jelas dilarang dalam Islam.

Setakat ini, isu tersebut masih dalam pertimbangan disebabkan oleh berlaku kesulitan untuk tidak mengharuskannya. Antara pernyataan tersebut seperti yang dibentangkan dalam mesyuarat kali ke-217 bertarikh 30 September 2021, kali ke-220 bertarikh 24 Januari 2022 dan kali ke-236 pada 30 Januari 2024, keputusan Majlis Penasihat Shari'ah Bank Negara Malaysia (MPS, 2024). Oleh hal yang demikian, Sharifah Faighah, Uzaimah & Mohd Fuad (2013) mencadangkan solusi dan alternatif bagi meminimumkan keterlibatan perbankan Islam daripada transaksi dengan perbankan konvensional yang mengamalkan riba namun kajian tersebut terhad kepada penggunaan akaun nostro sahaja dalam pembayaran perdagangan antarabangsa.

Terdapat sebahagian ulama' kontemporari yang mengharuskan transaksi seperti ini dengan alasan perkara itu bukan seperti yang diniatkan oleh si pelaku dan tidak wajar mengharamkan sesuatu perkara yang halal. Manakala sebahagian yang lain mengharamkannya dengan hujah untuk menutup dan mengelak daripada berlaku perkara haram sebagai langkah berjaga-jaga. Hal ini kembali kepada perspektif dan penilaian ulama' terhadap gambaran *al-i'ānah 'alā al-ma'siah*.

Berdasarkan perbincangan di atas, secara ringkasnya unsur *al-i'ānah 'alā al-ma'siah* yang berlaku dalam institusi perbankan Islam adalah disebabkan perkara berikut:

Jadual 3: situasi perbankan Islam mengandungi unsur *al-i'ānah 'alā al-ma'siah*

Situasi atau Transaksi	Perincian atau Contoh
Ketidaksaahan produk	Penawaran produk, aset dan komoditi tidak dimiliki atau penjualan harta wakaf
Ketidak sempurnaan rukun kontrak	Pelaksanaan atau penyaksian oleh orang yang tidak berkelayakan
Pendokumentasian yang tidak dibenarkan	Penderafan kontrak <i>bay' al-īnah</i>

Penyisipan syarat aneh dan asing dalam kontrak	Penggunaan terma-terma atau perkara subjek yang kabur (<i>gharar</i>), tidak difahami oleh pelanggan dan mengandungi makna tersembunyi dengan tujuan untuk berhela
Kecacatan atau defektif pada pelaksanaan instrumen kewangan	Mengandungi perkara dan syarat bertentangan dengan shara'
Kecacatan dokumen	Kesilapan kandungan atau tiada penerangan jelas (<i>disclosure</i>) bagi akad yang dimeterai antara pihak bank dan pelanggan
Kesalahan dalam pelaksanaan kontrak serta pengoperasian urus niaga	Pelanggaran rukun atau kecuaian daripada pekerja institusi perbankan Islam
Penggabungan akad mu'amalat yang tidak dibenarkan	Menggabungkan akad <i>qard</i> dan <i>bay'</i> kerana menyebabkan berlaku pertambahan pada pinjaman
Transaksi melibatkan saham atau sekuriti berasaskan riba	Jual beli saham, bon dan opsyen syarikat yang mengamalkan transaksi berdasarkan mekanisme faedah
Dividen tidak patuh Shari'ah	Mendapat keuntungan daripada pelaburan syarikat atau simpanan perbankan tidak patuh shari'ah
Langganan insurans konvensional	Melanggan insurans daripada syarikat diketahui mengamalkan <i>riba</i> , <i>gharar</i> , <i>maysir</i> dan tidak menyatakan status patuh shari'ah atau tiada penawaran produk takaful
Bunga atau keuntungan pinjaman diterima daripada bank konvensional	Menjalankan transaksi yang menghasilkan keuntungan berhasil daripada faedah atas transaksi pinjaman, bukan jual beli
Pendapatan keuntungan daripada akaun dan instrumen perbankan konvensional	Menjalankan transaksi deposit dan pelaburan yang mendapat jaminan pulangan tetap daripada awal kontrak atau perjanjian
Deposit tidak patuh Shari'ah daripada pendeposit	Membenarkan syarikat yang dipastikan menjalankan aktiviti haram atau transaksi tidak diharuskan shara' membuka akaun kewangan Islam seperti akaun deposit dan akaun semasa
Produk dan operasi bisnes tidak patuh Shari'ah	Seperti senarai di bawah

Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia menyenaraikan transaksi yang tidak patuh shari'ah adalah disebabkan mengandungi perkara berikut:

- i) perbankan dan peminjaman konvensional
- ii) Insurans konvensional
- iii) Perjudian
- iv) Arak dan aktiviti-aktiviti berkaitan dengannya
- v) Khinzir dan aktiviti-aktiviti berkaitan dengannya
- vi) Makanan dan minuman tidak halal
- vii) Hiburan tidak patuh Shari'ah
- viii) Tembakau dan aktiviti-aktiviti berkaitan dengannya
- ix) Pendapatan faedah daripada akaun dan instrumen konvensional (termasuk pendapatan faedah yang diterima berikutan daripada keputusan mahkamah atau penimbang tara)
- x) Dividen daripada pelaburan tidak patuh Shari'ah
- xi) Aktiviti-aktiviti lain yang diputuskan sebagai tidak mematuhi prinsip-prinsip Shari'ah sebagaimana yang ditentukan oleh MPS.

KESIMPULAN

Al-i 'ānah 'alā al-ma'siah merupakan satu konsep yang membawa maksud sebarang perbuatan atau percakapan bermaksud membantu atau memudahkan orang lain mencapai perkara yang dilarang oleh shara'. Hal ini direalisasikan dalam apa jua cara, medium dan alat. Alhasil pihak yang membantu dan dibantu layak mendapat kejian dan ancaman dosa daripada Allah SWT kerana bersubahat melakukan perkara haram di sisi-Nya.

Fuqaha' berselisih pendapat dalam penetapan hukumnya sama ada haram atau harus atas dasar tertentu. Punca perbezaan pandangan tersebut didapati berpunca daripada ketidakjelasan atau perbezaan penilaian dalam memahami konsep, fundamental dan gambaran isu ini. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk menjelaskan konsep unsur *al-i 'ānah 'alā al-ma'siah* khususnya dalam konteks perbankan Islam. Hal ini demikian kerana banyak transaksi dan urus niaga masyarakat mutakhir ini melibatkan institusi perbankan Islam.

Dalam perbankan Islam, membantu dalam perkara maksiat boleh terjadi dalam pelbagai jenis transaksi seperti pemindahan dana akaun simpanan dan pelaburan, sewaan, bon dan saham serta perjanjian projek yang tidak dibenarkan. Maksiat terjadi kerana transaksi tersebut mengandungi larangan shara' iaitu terdapat perkara haram pada zatnya (*harām li dhātihī*), riba, judi (*maysir*), kesamaran (*gharar*), kemudarat (*darar*), paksaan (*ikrāh*) mahupun haram kerana perkara yang lain (*harām li ghayrihi*) atau unsur yang menjurus kepada kewujudan elemen tersebut. Untuk dikatakan seseorang atau sesebuah institusi terlibat dalam situasi ini maka perlu dipastikan terlebih dahulu memenuhi lima rukun *al-i 'ānah* selain daripada niat membantu yang disengajakan dan tahap ketersampaiannya kepada sesuatu perkara haram seperti telah digariskan oleh fuqaha' mu'tabar dan ulama' Fiqh kontemporari.

RUJUKAN

- Abd al-Qādir, ‘Uthmān Muḥammad & Abū Yaḥyā ‘Ali ‘Abdullah. (2019). al-Ī’ānah ‘alā al-Ithm wa al-‘Udwān: Ḥaqīqatuhā, Ḥukmuḥā, Ḏawābit Man’ihā fi al-Fiqh al-Islāmi. *Majallah al-Ulūm al-Shar’iyah*, 12(5), 4333-4380
- Ahmad, Abu Umar Faruq & Hassan, M. Kabir. (2007). Riba and Islamic Banking. *Journal of Islamic Economics, Banking and Finance (JIEBF)*, 3(1), 9-42
- Ahmad Munif Suratmaputra. (2017). Problematika Uang Haram dalam Kajian Fiqh. *Jurnal Misykat*, 2(1), 21-34
- Ahmad Sufyan. (2011). Kontrak Musammā: Justifikasinya dalam Transaksi Kewangan Islam Semasa. *Jurnal Syariah*, 19(3), 283-300
- Al-‘Aysāwī, Ismā’īl Kādhim & al-Kamālī, Hamad Yaḥyā. (2020). Ma’ayīr Ḥirmah al-Ta’āwun ‘alā al-Ithm fi al-Mu’āmalāt al-Māliyyah: Dirāsah Ta’siliyyah Shar’iyah. *Majallah Jāmi’ah al-Shāriqah*, 17(1), 120-154
- Al-Badrāni, Abū Faiṣal. *Kitāb al-Walā’ wa al-Barā’ wa al-‘Adā’ fi al-Islām*. <https://shamela.org/pdf/c7ea9bc01b9b6dff3203ec5f0ceb9afb> (diakses pada 12 Jun 2024)
- Al-Ghaffār, Muḥammad Ḥassan. *Kitāb Fiqh al-Muāmalāt al-Mu’āṣirah*. <https://shamela.ws/book/37700/14> (diakses pada 13 Jun 2024)
- Al-Hawari, Nashaat. (2017). al-Ī’ānah ‘alā al-Ḥarām wa Taṭbīqātuḥā ‘alā ‘Uqūd al-‘Amal fi al-Sharikāt wa al-Bunūk al-Tijāriyyah: Dirāsah Ta’siliyyah Taṭbīqiyyah al-Iftā’ al-Ām al-Urdunī Anmūdhajan. *al-Majallah al-Urduniyyah fi al-Dirāsāt al-Islāmiyyah*, 13(3), 1-14
- Al-Maḥallī & al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn. (2001). *Tafsīr al-Jalālayn*. Ed. ke-3. Kaherah: Dār al-Hadīth
- Al-Namlah, Abd al-Karīm. (2000). *Al-Jāmi’ li Masāil Uṣūl al-Fiqh wa Taṭbīqātuḥā ‘alā al-Madhhab al-Rājiḥ*. Riyad: Maktabah al-Rushd
- Al-Namlah, Abd al-Karīm. (1999). *Al-Muhadhdhab fi ‘Ilm Uṣūl al-Fiqh al-Muqāran*. Riyad: Maktabah al-Rushd
- Al-Qarāfi, Abu al-‘Abbās Shihāb al-Dīn bin Ahmad bin Idrīs. (2010). *Anwār al-Burūq fi Anwār al-Furūq*. Riyad: Widhārah al-Awqāf al-Su’ūdiyyah
- Al-Zarqā, Aḥmad bin Muḥammad. (1989). *Sharḥ al-Qawā’id al-Fiqhiyyah*. Ed. ke-2. Damshiq: Dār al-Qalam
- Al-Zuḥaylī, Muḥammad Muṣṭafā. (2006). *al-Qawā’id al-Fiqhiyyah wa Taṭbiqātuḥā fi al-Madhhab al-Arbā’ah*. Damshiq: Dār al-Fikr
- Al-Zuḥaylī, Wahbah. (1984). *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*. Ed. ke-2. Damsyiq: Dār al-Fikr

Assembly of Muslim Jurists of America, “Decisions and Recommendations of AMJA’s fifth annual convention – Bahrain (Ar),” laman sesawang amjaonline.org, dikemaskini 27 November 2007, <https://www.amjaonline.org/declaration-articles/decisions-and-recommendations-of-amjas-fifth-annual-convention-bahrain-ar/> (diakses pada 15 Jun 2024)

Hayatul Millah. (2016). Takhrij Hadist tentang Riba. *Asy-Syari’ah*, (2)2, 1-13

Ibn Kathīr, Abu al-Fidā’ Ismāil bin ‘Umar. (1999). *Tafsīr al-Qurān al-‘Azīm*. Riyad: Dār Taybah

International Shari’ah Research Academy for Islamic Finance (ISRA). (2016). *Islamic Financial System: Principles & Operations*, ed. ke-2. Kuala Lumpur: ISRA, 937.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), “Garis Panduan Mengenai Maksiat Dari Perspektif Islam,” laman sesawang islam.gov.my, dikemaskini 2 Disember 2015, <https://www.islam.gov.my/ms/garis-panduan/472-garis-panduan-mengenai-> (diakses pada 16 Jun 2024)

Jawed, Moulana. (t.t). The Measure of Assisting in Sin, laman sesawang <https://daruliftaa.net/wp-content/uploads/2020/02/THE-MEASURE-OF-ASSISTING-IN-SIN.pdf> dikemaskini 7 Mei 2018 (diakses 17 Jun 2024)

Jonathan B. Maverick, “Nostro Account vs. Vostro Account: What’s the Difference?,” laman sesawang Investopedia.com, dikemaskini 11 Jun 2024, <https://www.investopedia.com/ask/answers/051815/what-difference-between-nostro-and-vostro-account.asp> (diakses pada 13 Jun 2024)

Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Senarai Sekuriti Patuh Syariah, dikemaskini 27 November 2020 <https://www.sc.com.my/bm/api/documentms/download.ashx?id=a6a858b7-1b44-4e8a-bda6-b6dac13a4f04> (diakses pada 17 Jun 2024)

Mohamad Zarifi Mohamad Daud. (2010), Hukum Mempromosikan Produk Insurans Konvensional,” *Jurnal Muamalat* (3), 185-200

Muhsin Ramadhan Fitri Ellias, Muhammad Nasir Haron & Ahmad Firdaus Kadir, “Penerimaan Wang Bersumberkan Aktiviti Tidak Patuh Syariah Dalam Akaun Simpanan dan Akaun Pelaburan: Perspektif Syariah dan Industri” (kertas pembentangan Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara ke-8, Hotel Thistle, Johor Bharu, 28-29 Mei 2014), 1-21.

Muslim, Abū al-Husain Muslim bin al-Hajjāj bin Muslim. (1955). *Sahīh Muslim*. Beirut: Dār Ihya’ al-Turāth al-‘Arabī

Othman Lebar. (2022). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metode*. ed. ke-2. Tanjung Malim: Penerbit UPSI

Saidatolakma Mohd Yunus et al.. Unlawful Incomes by Islamic banks in Malaysia: An Analysis of Juristic Methods of Purification (prosiding International Conference of Empowering Islamic Civilization, Research Institute for Islamic Product and Malay Civilization (INSPIRE), Universiti Sultan Zainal Abidin, 7-8 Oktober 2017), 401-411

Saidatolakma Mohd Yunus et al.. (2017). Purification of Non-Halal Income in Malaysian Islamic Banks: An Overview. *Journal of Islam in Asia*, 14(2), 305-326

Shabīr Muhammad ‘Uthmān. (2010). *al-Madkhāl ila Fiqh al-Mu’āmalāt*. ‘Amman: Dār al-Nafāis

Shabīr Muhammad ‘Uthmān. (2007). *al-Mu’āmalāt al-Māliyyah al-Mu’āṣirah fi al-Fiqh al-Islāmī*. ‘Amman: Dār al-Nafāis

Sharifah Faigah Syed Alwi, Uzaimah Ibrahim & Mohd Fuad Sawari. (2013), Issues on Islamic Banks’ Nostro Accounts. *Terengganu International Finance and Economics Journal (TIFEJ)*, 3(2), 70-78

Yusuf Jelili Amuda. (2015). Current Issues in Islamic Banking and Finance: A Way Forward. *International Journal of Economics, Commerce and Management*, 3(4), 1-15

Zaharuddin Abd Rahman. Hukum Penggunaan Dana Hasil Penstrukturan Islam Pada Aktiviti Tidak Patuh Syariah (kertas pembentangan Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara 2008, 27-28 Februari 2008), 1-40.

Zaharudin Muhammad. (2010). Hukum Bermuamalah Dengan Sumber Yang Haram. *Jurnal Muamalah*, (3), 77-112

Akta Bank Islam 1983, Akta 276, Perkara 13(A), laman sesawang https://e-muamalah.islam.gov.my/images/pdf-bahan-ilmiah/akta_bank_islam_1983.pdf (diakses pada 18 Jun 2024)